

30.11.2018

KENYATAAN MEDIA

PBAPP BERI GANJARAN KEPADA ORGANISASI DAN SEKOLAH MESRA-AIR DI PULAU PINANG

- **RM14,000.00 untuk 10 organisasi yang memperbaharui pensijilan “Aqua Save” mereka pada tahun 2018**
- **RM16,250.00 untuk 19 finalis “Sekolah Hijau Pulau Pinang”**

PULAU PINANG, Jumaat, 30.11.2018: Usaha “mesra-air” telah membuahkan hasil kepada 10 organisasi dan 19 buah sekolah. Wakil mereka menerima ganjaran dan insentif wang tunai berjumlah RM30,250.00 dari Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Ganjaran dan insentif ini telah disampaikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow pada makan malam “Majlis Penyampaian Anugerah Green Pinang” di Hotel Sunway, Seberang Jaya malam tadi.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd dan PBAPP Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa, dan Pengurus Besar Penang Green Council (PGC) Cik Thing Siew Shuen.

10 organisasi yang cekap air yang menerima ganjaran wang khas merupakan penerima kali kedua untuk pensijilan “Aqua Save” PBAPP.

| Penerima ganjaran wang Aqua Save 2018 | | | |
|--|--|---|------------------------------------|
| 1 | Actmaxbiz Sdn Bhd | 6 | Eco Macalister Development Sdn Bhd |
| 2 | A to Z Wedding House Sdn Bhd | 7 | Gurney Plaza |
| 3 | Citigroup Transaction Services (M) Sdn Bhd | 8 | Knowles IPC (M) Sdn Bhd |
| 4 | Cititel Penang | 9 | Penfabric Mill 4 Sdn Bhd |

| | | | |
|---|---------------------|----|---|
| 5 | Eastin Hotel Penang | 10 | The Wembley - A St. Giles Hotel, Penang |
|---|---------------------|----|---|

Organisasi-organisasi ini menerima antara RM500.00 dan RM2000.00 kerana berjaya memperbaharui sijil Aqua Save mereka pada tahun 2018. Jumlah ganjaran keseluruhan untuk organisasi adalah RM14,000.00.

Sementara itu, 5 organisasi lain turut menerima sijil Aqua Save kali pertama dari YAB Tuan Chow: Eco Horizon Sdn Bhd, Honeywell Aerospace Avionics Malaysia Sdn Bhd, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang, Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP dan Eco Meadows Sdn Bhd.

Program “Aqua Save” adalah inisiatif PBAPP untuk mempromosikan pemuliharaan air mampan di kalangan organisasi perniagaan dan bukan perniagaan di Pulau Pinang.

Di bawah program ini, sijil “Aqua Save” (sah selama 2 tahun) diberikan kepada organisasi yang telah melaksanakan langkah atau teknologi penjimatan air yang cekap dan berkesan.

Organisasi yang dapat memperbaharui pensijilan mereka untuk 2 tahun lagi diberi ganjaran wang khas.

“Aqua Save” dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, menerusi Penang Green Council (PGC).

19 SEKOLAH JUGA MENERIMA RM16,500.00 SEBAGAI INSENTIF

Pada 2018, PGC meluaskan skop Aqua Save dengan memasukkan kriteria itu sebagai sebahagian daripada proses penilaian PGC untuk “Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang”.

Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan sekolah dan pelajar mereka untuk jimat air, dan dengan itu mempromosikan budaya penjimatan air di Pulau Pinang.

Sebagai sokongan kepada langkah ini, PBAPP juga menyediakan insentif wang tunai berjumlah RM16,250.00 kepada 19 sekolah yang dinamakan sebagai finalis “Anugerah Sekolah Hijau Pulau Pinang” 2018.

YAB Tuan Chow juga menyampaikan replika cek bagi jumlah antara RM250.00 hingga RM1,000.00 kepada wakil-wakil sekolah berikut pada makan malam “Majlis Penyampaian Anugerah Green Pinang”:

| Sekolah yang menerima insentif wang tunai Aqua Save di bawah program “Sekolah Hijau Pulau Pinang”(PGC) | | | |
|---|--|------------------|---|
| Sekolah Rendah | | Sekolah Menengah | |
| 1 | SK Kebun Sireh, Bukit Mertajam (Juara PGC 2018) | 1 | SMK Berapit, Bukit Mertajam (Juara PGC 2018) |
| 2 | SJK (C) Eng Chuan, George Town | 2 | SMK Convent Pulau Tikus, George Town |
| 3 | SK Seri Tasek, Simpang Ampat | 3 | SMK Gua Perahu, Kubang Semang |
| 4 | SJKC Lee Chee, Tasik Gelugor | 4 | SMK Kampong Kastam, Butterworth |
| 5 | SJKC Keng Koon, Bukit Tambun | 5 | MRSM Kepala Batas, Kepala Batas |
| 6 | SJKC Sin Min, Balik Pulau | 6 | Han Chiang High School, Jelutong |
| 7 | SK Sungai Nibong, Kampung Sungai Nibong, Gelugor | 7 | SMJK Chung Hwa Confucian, Jelutong |
| 8 | SJKC Kong Ming Cawangan Kedua, Air Itam | 8 | SMK Convent Lebu Light, Georgetown |
| 9 | SK Jalan Hamilton, Jelutong | 9 | SMK Padang Polo, Georgetown |
| | | 10 | SMK Convent Butterworth, Kampung Bagan Dalam, Butterworth |

Untuk maklumat lanjut mengenai program Aqua Save PBAPP, sila hubungi:

- Jabatan Kualiti, Keselamatan & Kesihatan, PBAPP, (04 200 6688); atau
- Penang Green Council (04 250 3322).

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 660 Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



